

MHC/RK/TL [ver.1.4]

UNTUK TINDAKAN SEGERA



YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

TAWARAN UNTUK MENJADI RAKAN NIAGA / AGEN PEMASARAN PRODUK HERBA BERASASKAN BUAH MAHOGANY (TUNJUK LANGIT) EDARAN MALAYSIAN HERBAL CORPORATION (MHC)

Terima kasih atas minat anda untuk menjadi rakan niaga / agen pemasaran produk-produk herba berasaskan buah mahogany (Tunjuk Langit) edaran **Malaysian Herbal Corporation** (MHC).

2. Produk Tunjuk Langit yang diedarkan oleh MHC adalah dikilangkan oleh **TPM Biotech Sdn. Bhd.** Produk ini dikeluarkan hasil daripada kajian dan formulasi yang dipatenkan oleh Swietenia Industry Sdn. Bhd. Dengan teknologi pengeluaran terkini di kilang yang bertaraf GMP, disahkan halal oleh JAKIM serta bebas daripada bahan-bahan kimia, produk Tunjuk Langit terbukti berkesan untuk membantu kesihatan badan secara menyeluruh.

3. Berikut disertakan bersama-sama ini maklumat lanjut berkaitan dengan syarat-syarat untuk menjadi Rakan Niaga MHC bagi mengedarkan produk berasaskan Tunjuk Langit seperti di salinan berkepil. Sekiranya YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan memerlukan sebarang maklumat lanjut, silalah berhubung terus dengan pegawai-pegawai berikut:

Encik Mohamad Alias Mohd. Ariffin	012 – 631 5782
Encik Norhaqimi Nordin	012 – 641 6782
Cik Juhafida Jaafar	012 – 647 0782

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

ZAINAL AZMAN BIN ABU KASIM
Pengurus Besar

SYARAT-SYARAT MENJADI RAKAN NIAGA MALYSIAN HERBAL CORPORATION

1. Permohonan adalah dibuka kepada individu, koperasi atau syarikat yang berminat untuk menjadi **Rakan Niaga MHC** bagi mengedarkan produk-produk herba terpilih di pasaran Malaysia.
2. Dua kategori **Rakan Kongsi MHC** dibuka untuk pilihan dan pertimbangan calon-calon Rakan Niaga seperti berikut:

a. STOKIS DAERAH

- i. Stokis Daerah layak diberikan **potongan harga sebanyak 45%** daripada harga jualan produk;
- ii. Kelayakan minima untuk menjadi Stokis Daerah ialah dengan membuat **pembelian minima** pada pembelian pertama seperti berikut:

Produk	Harga Stokis	Qty	Jumlah
Kapsul Tunjuk Langit	49.50	80	3,960.00
Kopi TL (Kotak)	19.25	50	975.00
Kopi TL (Papan)	25.60	10	256.00
Jumlah			5,191.00

**Jenis Produk/Kuantiti boleh dirundingkan dengan syarat nilai belian pertama mestilah melebihi RM5,000.00*

- iii. Hanya 1 stokis yang akan di lantik bagi setiap Daerah. Walaubagaimanapun, MHC berhak menambah atau mengurangkan jumlah Stokis Daerah tertakluk kepada permintaan dan keperluan semasa, tanpa memudaratkan Stokis Daerah sedia ada;
- iv. Stokis yang dilantik hendaklah mempunyai **premis niaga** yang sesuai sebagai pusat edaran dan juga pameran produk. Premis niaga yang digunakan hendaklah mematuhi apa-apa syarat perniagaan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di kawasan di mana mereka berniaga;
- v. Stokis Daerah bertanggungjawab untuk melantik, membekal produk dan menyelia Pengedar-Pengedar di kawasan mereka;
- vi. Stokis Daerah perlu membuat belian ulangan bulanan dalam kuantiti yang berpatutan (dirundingkan, tertakluk kepada prestasi stokis dan jumlah pengedar di kawasan mereka) setiap bulan untuk mengekalkan status Stokis Daerah mereka;
- vii. Perlantikan Stokis Daerah adalah secara kontrak selama 1 tahun dan boleh diperbaharui dari semasa ke semasa atas persetujuan bersama.

b. PENGEDAR

- i. Pengedar layak diberi **potongan harga sebanyak 30%** daripada harga jualan produk;
- ii. Pengedar hendaklah mengambil bekalan produk daripada Stokis Daerah yang dilantik di kawasan mereka, kecuali di dalam keadaan di mana Stokis Daerah masih belum dilantik, Pengedar hendaklah memperolehi bekalan produk terus daripada MHC;
- iii. Kelayakan minima untuk menjadi Pengedar adalah membuat belian minima pada pembelian pertama seperti berikut:

Produk	Harga Stokis	Qty	Jumlah
Option 1			
Kapsul Tunjuk Langit	63.00	10	630.00
Jumlah			630.00

Option 2			
Kopi TL (Kotak)	24.50	20	490.00
Kopi TL (Papan)	32.60	5	163.00
Jumlah			653.00

**Jenis Produk/Kuantiti boleh dirundingkan dengan syarat nilai belian pertama mestilah melebihi RM600.00.*

- iv. Sesiapa sahaja layak menjadi pengedar dan bertanggungjawab untuk menjalankan pemasaran produk herba terpilih di mana-mana kawasan yang mereka berminat;
 - v. Pengedar perlu membuat belian ulangan bulanan dengan nilai minima sebanyak RM500.00 untuk mengekalkan status mereka sebagai Pengedar.
3. Semua transaksi perniagaan di antara Rakan Niaga MHC hendaklah dilakukan dalam bentuk **tunai, Banker's Cheque** atau **Cashier's Cheque** atas nama "**Malaysian Herbal Corporation Sdn. Bhd.**" Untuk bayaran terus melalui bank, sila rujuk butir-butir perbankan seperti berikut:

Bank:	CIMB Bank
Cawangan:	Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur
Nama:	Malaysian Herbal Corporation Sdn. Bhd.
No. Akaun:	1420 0008294 052

4. Pembayaran secara **cek tertunggak atau cek peribadi adalah tidak dibenarkan**. Dalam keadaan di mana cek tertunggak atau cek peribadi terpaksa digunakan, produk hanya akan dibekalkan sebaik sahaja cek berkenaan ditunaikan.

5. Rakan Niaga MHC akan dibekalkan dengan bahan-bahan promosi yang bersesuaian dari semasa ke semasa. MHC juga akan menjalankan aktiviti promosi dari semasa ke semasa di dalam media cetak dan media elektronik di samping aktiviti promosi lain mengikut kesesuaian untuk menyokong aktiviti Rakan Niaga.
6. Kos penghantaran produk (sekiranya ada) adalah dibawah tanggungjawab Rakan Niaga sendiri. Walaubagaimanapun MHC telah melantik sebuah syarikat courier dengan kadar yang paling kompetitif. (Sila berhubung dengan MHC untuk maklumat lanjut).
7. MHC berhak membuat sebarang keputusan yang terbaik demi untuk kepentingan perniagaan mengikut undang-undang sedia ada.

Untuk Kegunaan Pejabat Sahaja		Perunding MHC
Status:	[] Stokis Negeri [] Pengekar	
No. Rujukan:		
Kelulusan:	Lulus / Tidak Lulus / KIV	Tanda Tangan Perunding MHC
TT GM:		
Tarikh:		

BORANG PERMOHONAN UNTUK MENJADI RAKAN NIAGA MHC						
Nama Pemohon:						
No. Kad Pengenalan:						
Nama Syarikat & No. Pendaftaran Syarikat (SSM): (sekiranya ada)						
Alamat Pejabat:						
No. Telefon:		No. Faks:				
		No. HP:				
Laman Web Syarikat:						
Alamat Email:						
Produk:	Kod	Nama Produk	Harga SN	Harga Agen	Kuantiti	Jumlah
	TL01	Kapsul Tunjuk Langit	49.50	63.00		
	TL02	Kopi Tunjuk Langit (Box)	19.25	24.50		
		Kopi Tunjuk Langit (Paper Board)	25.60	32.60		
	TL03	Shower Gel	11.00	14.00		
	TL04	Hair Shampoo	11.55	14.70		
	TL05	Body Scrub	24.75	31.50		
JUMLAH						
Status Rakan Niaga di Pohon		<input type="checkbox"/> Stokis Daerah: _____ <input type="checkbox"/> Pengekar: _____ *Sila nyatakan daerah/kawasan pilihan anda				
Tanda Tangan:			Cop Syarikat (jika ada):			
Nama:						
Tarikh:						
Salinan dokumen-dokumen berikut hendaklah disertakan bersama-sama permohonan ini:						
i. Kad Pengenalan Pemohon						
ii. Salinan pendaftaran syarikat (sekiranya ada)						